

15 MAR 2001

PM ADAKAN PERTEMUAN DENGAN PIMPINAN UMNO PAYA BESAR DAN KUANTAN

KUANTAN, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan tertutup dengan anggota dan pimpinan Umno Bahagian Paya Besar dan Kuantan di Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota, dekat sini.

Perjumpaan selama lebih dua jam itu dihadiri hampir 2,000 anggota Umno dari kedua-dua bahagian berkenaan.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Dr Mahathir kemudiannya meluang masa bermesra bersama anggota Umno pada majlis jamuan teh yang diadakan selepas pertemuan itu.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi sehari ke Pahang, sebelum itu tiba di dewan berkenaan pada pukul 3.30 petang dengan memandu sendiri kereta Proton Perdana sejurus tiba di Lapangan terbang TUDM di sini.

Pada sebelah pagi, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan bersama pemimpin Umno Bahagian Kuala Lipis dan Raub.

-- BERNAMA

MS HIS LAT